

# Utusan Borneo

**Jumaat**  
**29 September 2023**  
 13 Rabiulawal 1445H  
 Sarawak RM1.20  
 Brunei Darussalam B\$1.00  
 PPK 220/12/2012 (031414)

Citra Generasi Prihatin



Indonesia haramkan urus niaga barang dalam media sosial

**11**

**DUNIA**

Piagam Madinah perlembagaan terbaik dicontohi Sarawak

**2**

**TEMPATAN**

Bekalan air terawat selesai masalah SMK Medamit

**4**

**TEMPATAN**

Hayati keistimewaan, kepentingan sambutan Maulidur Rasul

**6**

**TEMPATAN**

Medan petinju berentap

**16**

**SUKAN**

WAKTU SOLAT	
MISAK	SUBUH ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.50	5.00 12.15 3.23 6.54 7.23
Niah, Bekenu, Miri, Sibela, Mesuar	
4.55	5.05 12.17 3.26 6.49 7.28
Taliu, Suai, Belaga, Pindan, Sebauh, Bintulu	
4.58	5.08 12.21 3.28 6.22 7.21
Igan, Oya, Balingian, Mukah, Dalat, Sibau, Karawai, Kapit, Song	
5.03	5.13 12.25 3.30 6.27 7.36
Belaga, Mulu, Duro, Sarawak, Julau, Bintarong, Rajang	
5.04	5.14 12.27 3.34 6.29 7.38
Kabong, Lingga, Sri Aman, Enakali, Betong, Sempit, Pusa, Saratok, Roban, Debak, Lubok Antu	
5.06	5.16 12.28 3.34 6.30 7.38
Samarahan, Simunjan, Sarikei, Selama, Madam	
5.07	5.17 12.30 3.36 6.32 7.41
Kuching, Lundu, Bau, Sematan	
5.10	5.20 12.33 3.39 6.35 7.44
Disediakan oleh Bahagian Falak	
JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK	

## Pemandu lori patah paha kanan dalam kemalangan

**SARIKEI:** Seorang lelaki berusia 34 tahun patah paha kanan setelah lori yang dipandunya hilang kawalan lalu terbabas di Jalan Tanjung Manis, dekat sini, semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata, kemalangan tersebut dipercayai berlaku sekitar jam 9 pagi. "Sejurus menerima panggilan kecemasan tersebut, sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Manis telah dikerahkan ke lokasi kemalangan yang sejauh tujuh kilometer dari balai.

"Ketika sampai di lokasi berkenaan, anggota bomba mendapati sebuah lori yang dipandu oleh mangsa telah terbalik melanggar sebatang pokok di bahu jalan.

"Mangsa yang cedera telah dikeluarkan oleh orang awam sebelum ketibaan pihak bomba,"



**TERBALIK:** Lori terbabas lalu melanggar pokok di bahu jalan di Jalan Tanjung Manis semalam.

katanya kepada media. Berdasarkan situasi tersebut, pasukan bomba telah bertindak memasang penyengking pada leher dan kaki mangsa yang patah. Tambahnya, pasukan bomba turut membantu mengangkat mangsa ke bahu jalan menggunakan pengusung dan

menyerahkan mangsa kepada pihak perubatan. "Setelah selesai menguruskan mangsa yang cedera, pasukan bomba terbabit turut membersihkan dan mengalihkan pokok yang tumbang akibat dilanggar lori terbabit dan membersihkan sisa-sisa kaca di atas jalan raya," ujarnya.

Subsidi sudah seakan sebatu dengan rakyat, tetapi adakah ia berkesan membela rakyat dan memajukan negara?

**Lihat muka surat 5**

Inovasi kuih bulan dapat permintaan tinggi

**RENCANA 9**

Sedia peruntukan besar pulihkan sekolah usang

**TEMPATAN 8**

## Adil tadbir negeri berbilang kaum, agama

Oleh Hamkar Sarbinee

**KUCHING:** Kerajaan Sarawak terus memberi keadilan kepada rakyat dalam pentadbiran kerajaan selari dengan usaha untuk membangunkan Sarawak sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, usaha ini mengambil contoh daripada sifat Nabi Muhammad SAW yang terserlah dalam membangunkan Piagam Madinah yang menekankan keadilan dalam mentadbir negeri.

Menurutnya, ketokohan yang ditunjukkan oleh baginda itu sekali gus dapat menjadikan pemerintahan di negeri ini menjadi lebih baik.

"Sarawak mengambil contoh teladan daripada Nabi Muhammad SAW yang mewujudkan Piagam Madinah iaitu undang-undang yang digunakan dalam pemerintahan kerajaan hari ini.

"Kita tahu dalam piagam itu menekankan kepada keadilan dalam mentadbir negeri yang berbilang kaum dan agama," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan dan Perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 2023/1445H di Padang Merdeka di sini, semalam.

Hadir menyerikan majlis berkenaan ialah Yang di-Pertua Negeri Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Toh Puan Datuk Patinggi Ragad Kurdi Taib.

Beliau menjelaskan bahawa Piagam Madinah yang digunakan dalam pentadbiran kerajaan kini sudah tentu memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat.

"Amalan toleransi ini dapat dilihat dengan jelas ketika Nabi Muhammad SAW setuju



**MESRA:** Tetamu kenamaan melambai ke arah kontinjen yang melakukan lintas hormat di hadapan pentas utama pada majlis berkenaan.

### ● Kerajaan terus beri keadilan kepada rakyat selari dengan usaha bangunkan Sarawak sebagai negeri maju dan makmur.

menandatangani perjanjian dengan para rahib di biara St Catherine di kaki Gunung Sinai pada 625 Masihi.

"Perjanjian tersebut telah tercatat dalam sejarah dunia sebagai satu dokumen perjanjian yang mencerminkan kemuliaan sifat baginda dalam menjaga hubungan antara agama," ujarnya.

Dalam pada itu, mengenai sambutan terbahit, Abang Johari memberitahu bahawa ia merupakan majlis bagi memperingati hari

kelahiran dan perjuangan jujungan besar Rasulullah SAW.

"Bagi kita umat Islam, hari ini untuk mengingat perjuangan pemimpin agung kita Nabi Muhammad SAW dan mengambil iktibar daripada perjuangan baginda untuk menegakkan keadilan serta meneruskan dakwah Islamiah di seluruh rantau ini.

"Nabi besar kita (Nabi Muhammad SAW) seorang pemimpin, pentadbir, panglima dan seterusnya baginda

seorang yang strategis dalam mengembangkan Islam di seluruh pelosok dunia," tambahnya.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi dan tetamu kenamaan yang lain.



**HATI-HATI:** Pasukan bomba cuba membawa keluar mangsa yang terjatuh di Miri, kelmarin.

### Warga emas pengsan jatuh dalam longgang

**MIRI:** Seorang lelaki warga emas ditemui pengsan selepas terjatuh ke dalam longgang di tepi jalan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJCK) North, di sini kelmarin.

Ketua Bahagian Penyelidikan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Zon 6 Miri Awangku Mohd Hazmin Awang Zainal berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan memohon bantuan menyelamatkan mangsa kira-kira jam 9.27 pagi.

"Sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Miri Sentral bergegas ke lokasi yang jaraknya satu kilometer dari balai sejurus menerima panggilan kecemasan berkenaan.

"Setibanya di lokasi didapati seorang mangsa lelaki berusia lingkungan 70-an jatuh dalam longgang," katanya dalam kenyataan media di sini.

Awangku Mohd Hazmin berkata, pasukan bomba kemudiannya bertindak menyelamatkan mangsa menggunakan pengusung serta memasang 'cervical collar' pada mangsa dan membawanya ke kawasan yang selamat.

"Pasukan bomba seterusnya menyerahkan mangsa kepada pihak ambulans untuk tindakan selanjutnya.

"Selepas memastikan keadaan di lokasi selamat, operasi ditamatkan pada jam 10.04 pagi," ujarnya.

## Serian merekodkan bacaan IPU tertinggi di Sarawak

**KUCHING:** Serian merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tertinggi di negeri ini, iaitu 159 setakat 5 petang semalam.

Bagaimanapun jumlah kawasan di Sarawak yang merekodkan bacaan IPU tidak sihat menurun kepada dua berbanding tiga pada pagi tadi.

Selain Serian, jadual

bacaan IPU setiap satu jam dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan Samarahan juga merekodkan bacaan IPU tidak sihat iaitu 152 setakat jam 5 petang.

Pada pagi tadi tiga kawasan merekodkan bacaan IPU tidak sihat iaitu Samarahan, Serian dan Sri Aman.

Bacaan IPU bagi Sri Aman bagaimanapun kembali

sederhana iaitu 100 setakat 5 petang.

Sembilan lagi kawasan di negeri ini turut merekodkan bacaan IPU sederhana ialah Kuching (97), Bintulu (74), Kapit (71), Sibiu (71), Sarikei (71), Mukah (69), Samalaju (67), Miri (62), Limbang (61) dan ILP Miri (59).

Pada awal September 2023 jerebu melanda negeri ini

menyebabkan tiga kawasan merekodkan bacaan IPU tidak sihat iaitu Sri Aman, Serian dan Kuching.

Susulan itu Timbalan Premier yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) Datuk Amar Douglas Uggah memaklumkan pihaknya memantau rapat situasi jerebu di negeri ini.

Jawatankuasa itu turut meminta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia bersedia membantu jika berlaku kebakaran terbuka.

Beliau juga menasihati orang ramai agar mengurangkan atau mengelak melakukan pembakaran terbuka ketika musim kering dan panas

seperti ini.

Selain itu Uggah mengingatkan orang ramai agar menjaga kesihatan dengan mengelak melakukan aktiviti di luar sekiranya bacaan IPU tinggi.

Untuk rekod, bacaan IPU baik ialah 0-50, sederhana 51-100, tidak sihat 101-200, 201-300 sangat tidak sihat dan 300 ke atas berbahaya.

# Subsidi bersasar bela rakyat, perkukuh ekonomi negara



Dr. Yeah Kim Leng

BANYAK negara mempunyai program perlindungan sosial untuk meringankan beban rakyat, terutama kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Antara contoh program perlindungan sosial ialah pemberian tunai, penetapan harga siling barangan keperluan serta subsidi minyak, elektrik, kesihatan dan pendidikan.

Di Malaysia, subsidi telah menjadi sebahagian daripada ekonomi negara sejak berpuluh tahun sehingga rakyat sentiasa berharap kerajaan terus menyediakannya. Ini kerana rakyat terbiasa dengan perkhidmatan dan barangan bersubsidi seolah-olah ia menjadi hak mereka yang tidak boleh dipisahkan.

Berikutan usaha kerajaan untuk membetulkan kedudukan kewangan negara dengan mengimbangi hasil dan perbelanjaan, timbul gesaan agar sistem subsidi yang diamalkan sekarang diubah. Salah satu cadangan pembaharuan utama ialah menggantikan mekanisme subsidi pukal yang memberi manfaat kepada semua, termasuk golongan berpendapatan tinggi kepada satu kaedah lebih fokus kepada keperluan golongan yang memerlukan bantuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, membayangkan perubahan ini ketika membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Butiran lanjut dijangka diumumkan ketika pembentangan Bajet 2024 pada 13 Oktober depan.

Bagi memberi kefahaman lebih mendalam mengenai isu ini, Profesor Ekonomi dan Pengarah Program Pengajian Ekonomi di Institut Jeffrey Cheah Asia Tenggara di Universiti Sunway Dr Yeah Kim Leng, yang juga anggota Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan (ACFIN), menjelaskannya dalam bentuk soalan dan jawapan:

## 1 Sebesar manakah perbelanjaan subsidi pada 2022 dan apakah unjuran bagi 2023?

Kerajaan telah lama memberi subsidi kepada barangan dan perkhidmatan asas bagi mengurangkan beban rakyat. Antaranya ialah subsidi beras, tepung, minyak masak, ayam dan telur, elektrik, petrol, diesel, gas memasak, penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Bagaimanapun, subsidi tidak menjadikan kos barangan lebih murah. Apa yang berlaku ialah pengguna hanya membayar sebahagian kecil daripada kos membeli barangan tersebut, manakala selebihnya ditanggung kerajaan. Bahagian ditanggung kerajaan itulah yang disebut sebagai subsidi.

Di sinilah masalahnya. Selepas bertahun, kos tanggungan subsidi, termasuk bantuan sosial, semakin meningkat. Pada 2008, kos subsidi berjumlah RM35.2 bilion. Pada tahun 2022, ia meningkat kepada RM67.4 bilion, peningkatan hampir dua kali ganda.

Jumlah subsidi pada 2022 menyumbang hampir 4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia - iaitu jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan, dan merupakan hampir 23 peratus daripada perbelanjaan mengurus kerajaan. Dalam kata lain, hampir satu perempat perbelanjaan mengurus kerajaan digunakan untuk memberi subsidi, bukannya kepada perkara yang mungkin lebih produktif untuk negara.

Dari sudut lain, hampir satu-pertiga daripada jumlah hasil kerajaan pada 2022 yang berjumlah RM234 bilion digunakan untuk subsidi. Ini bermakna, bagi setiap ringgit yang dikutip kerajaan, 30 sen disalurkan kepada subsidi.

Perbelanjaan subsidi yang diunjurkan Kerajaan untuk 2023 adalah sebanyak RM58.6 bilion. Walaupun lebih rendah berbanding peruntukan 2022, jumlahnya masih besar dan tidak seharusnya kekal begitu.

## 2 Kenapa kerajaan tidak boleh teruskan apa yang sudah dilakukan sejak bertahun-tahun ini dan mengapa ia tidak lagi mampan?

Kita perlu lihat secara jujur kedudukan kewangan negara sekarang. Hakikatnya, Malaysia berbelanja melebihi pendapatan sejak 1970 kecuai lima tahun. Selama 48 tahun kewangan negara di tahap defisit. Mengamalkan belanjawan defisit bermakna kerajaan terpaksa meminjam. Sehingga akhir 2022, jumlah keseluruhan hutang kerajaan ialah RM1.08 trilion. Ini tidak termasuk jaminan kerajaan ke atas sejumlah agensinya, yang jika dicampur menjadikan jumlah tanggungan keseluruhan hampir RM1.5 trilion.

Berapa besarnya RM1.5 trilion? Ia sama besarnya dengan saiz ekonomi Malaysia. Kalau dibahagi kepada 32 juta rakyat Malaysia, setiap daripada kita berhutang sebanyak RM46,875.

Mempunyai hutang yang besar memang membebankan kewangan kerajaan. Pada 2022, kos bagi membayar balik hutang kerajaan ialah RM41.3

bilion. Lebih dari itu, hampir 30 peratus bayaran kadar faedah berakhir di luar negara.

Jumlah RM41.3 bilion juga bersamaan 20 peratus hasil cukai. Dalam kata lain, bagi setiap ringgit yang kerajaan kutip, 20 sen adalah untuk membayar faedah hutang sahaja. Keadaan ini tidak produktif kerana ia tidak menajua sebarang kesan limpahan kepada ekonomi.

## 3 Subsidi apakah yang besar dari segi perbelanjaan kerajaan?

Kerajaan memberi subsidi kepada banyak barangan dan perkhidmatan. Beras kita yang dijual pada harga RM2.60 sekilogram adalah antara terendah di Asia Tenggara. Caj pesakit luar hospital kerajaan hanya RM1. Pendidikan rendah dan menengah mula percuma. Kursus Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Perubatan di Universiti Malaysia hanya perlu bayar RM14,990 untuk keseluruhan program - antara yang terendah di dunia - namun harus diingat bahawa sebahagian daripada kos ini turut disubsidi oleh kerajaan.

Malah, hampir keseluruhan bidang pendidikan diberi subsidi walaupun tidak dipanggil sedemikian. Bantuan diberi dalam bentuk Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Makanan Asrama, Bantuan Makanan Prasekolah, Skim Pinjaman Buku Teks, Bantuan Awal Persekolahan dan Biasiswa Kecil Persekutuan.

Ini hanyalah beberapa contoh. Senarai barangan dan perkhidmatan bersubsidi sebenarnya lebih panjang. Bagaimanapun, bahagian paling besar ialah subsidi bahan api dan elektrik.

Dua sektor ini menyumbang RM9.6 bilion atau lebih 90% daripada jumlah perbelanjaan subsidi pada 2022. Untuk bahan api (diesel, petrol dan gas memasak) sahaja mencecah kira-kira RM50.8 bilion (77 peratus), manakala subsidi elektrik pula berjumlah RM9.8 bilion (14.8 peratus).

Apakah ertinya ini kepada rakyat? Jumlah RM60.6 bilion itu jika tidak digunakan untuk subsidi, boleh membina bersamaan 700 sekolah atau 120 hospital setahun. Bayangkan betapa besar manfaatnya kepada rakyat, terutama di luar bandar.


## 4 Di mana silangnya mekanisme subsidi pukal yang diamalkan sekarang?

Di Malaysia, sebahagian subsidi, seperti untuk bahan api, diberikan secara menyeluruh di mana semua orang tanpa mengira latar belakang sosioekonomi mendapat manfaat.


Masalah subsidi pukal seperti ini ialah ia menguntungkan mereka yang paling banyak menggunakannya. Parlimen baru-baru ini diberitahu, kumpulan T20 mendapat lebih daripada seputuhnya dalam subsidi bahan api. Mereka hanya 20 peratus daripada populasi tetapi menikmati 35 peratus subsidi bahan api.

Ini kerana keluarga berada yang mempunyai dua atau tiga kenderaan, akan menggunakan lebih banyak minyak berbanding keluarga kurang mampu yang hanya memiliki sebuah motosikal. Misalnya, dengan mengambil kira petrol RON 95 berharga RM2.05 seliter dengan kerajaan memberi subsidi RM1.50 seliter daripada kos sebenar, bermakna penunggang motosikal daripada golongan berpendapatan rendah yang menggunakan 100 liter

Rajah 1: Komponen Perbelanjaan Pembangunan Terpilih berbanding Bayaran Khidmat Hutang RM billion



Rajah 3: Subsidi Tenaga Berbanding Inisiatif Ekonomi & Sosial Lain di bawah Perbelanjaan Pembangunan pada 2022 RM Billion



sebulan hanya menikmati subsidi RM150. Bagaimanapun, keluarga berada dengan dua hingga empat kereta yang menggunakan 1,000 liter sebulan menikmati subsidi RM1,500.

Jadi, siapa sebenarnya mendapat manfaat daripada subsidi ini? Siapa di antara dua pihak ini lebih layak mendapat bantuan kerajaan?

Satu masalah lagi ialah isu ketirisan. Berapa kerapkah kita melihat media melaporkan kereta negara asing masuk ke Malaysia untuk mengisi petrol RON 95? Ini kerana harga petrol di Malaysia jauh lebih murah berbanding negara jiran. Justeru, subsidi kita bukan saja tidak berkesan malah ia turut memanfaatkan warga asing. Kita juga membaca berita mengenai kes penyeludupan diesel dan gas memasak.

Subsidi elektrik pun serupa. Disebabkan harga sengaja dikekalkan rendah, kita tidak berjimat menggunakannya sehingga melebihi keperluan atau membazir elektrik.

Sebagai contoh, penyaman udara dibuka sepanjang hari. Bagi firma perniagaan pula, tiada sebab bagi mereka melabur dalam peralatan cekap tenaga kerana harga elektrik murah.

Namun, bagi tenaga elektrik, kerajaan sudah mula melaksanakan subsidi bersasar dengan mengenakan surcuj 10 sen setiap kWh kepada pengguna isi rumah domestik yang menggunakan lebih daripada 1,500 kWh sebulan.

## 5 Apakah alternatif kepada subsidi pukal bagi kumpulan yang memerlukan bantuan?

Sebenarnya banyak kaedah yang lebih berkesan untuk meringankan beban rakyat. Satu contoh yang baik ialah pemberian tunai.

Apabila subsidi pukal yang tidak produktif dihapuskan, akan berlaku penjimatan kerana dalam tabung kerajaan. Sebahagian daripadanya boleh dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pemberian tunai. Rakyat bebas menggunakannya mengikut keperluan mereka, bukannya terhad kepada produk dan barangan terpilih yang disubsidi oleh kerajaan.

Cara lain ialah melalui subsidi bersasar di mana hanya kumpulan tertentu yang benar-benar memerlukan bantuan, dibenarkan membeli pada harga subsidi. Contoh yang baik ialah diskaun pengangkutan awam bagi warga emas. Bagaimanapun timbul masalah iaitu kita menghadkan subsidi hanya kepada produk/



perkhidmatan itu, bukannya memberi kuasa kepada rakyat berbelanja untuk keperluan mereka. Sebagai contoh, warga emas yang tidak menggunakan pengangkutan awam tidak dapat menikmati subsidi. Begitu pun, kaedah ini jauh lebih baik daripada subsidi pukal.

Harus diingat, bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan berkesan, sistem dan infrastruktur sokongan perlu disediakan untuk memastikan tiada penyalahgunaan. Sistem ini pula memerlukan penyelenggaraan dan peningkatan berkala.

## 6 Adakah ini bermakna kerajaan akan menghapuskan subsidi?

Saya tidak boleh bercakap bagi pihak kerajaan, tetapi pada pendapat saya kita tidak perlu menghapuskan semua subsidi. Namun, memandangkan keadaan ekonomi semasa negara, pembaharuan subsidi perlu dilakukan segera. Saya percaya rombakan subsidi harus tertumpu kepada barangan seperti petrol, diesel, gas memasak dan elektrik kerana ia menyumbang lebih 90 peratus daripada perbelanjaan subsidi.

Dalam kes bahan api, mungkin cara berkesan dalam menangani impak pembaharuan subsidi ialah dengan mengekalkan Mekanisme Harga Automatik (APM), yang diperkenalkan sejak 1983. APM membantu menetapkan harga siling di pam tanpa mengira lokasi, sama ada di Tanjung Malim atau di Bangsar.

Oleh itu, jika kita mahu pembaharuan dalam subsidi bahan api, APM boleh digunakan untuk penetapan harga di pam apabila berlaku ketidakstabilan harga minyak global. Ini yang dipanggil 'apungan terurus'.

## 7 Seberapa manakah penjimatan jika kita hapuskan subsidi pukal? Bagaimana rakyat, terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana, mendapat manfaat daripada langkah ini?

Pada 2022, kita membelanjakan enam kali lebih banyak untuk subsidi bahan api dan elektrik (RM60.6 bilion) berbanding pendidikan (RM10 bilion) dan 14 kali ganda daripada kesihatan (RM4.4 bilion).

Malah, jika dicampur perbelanjaan untuk inisiatif ekonomi dan sosial, yang bukan sahaja merangkumi pendidikan dan kesihatan tetapi juga inisiatif lain seperti perkhidmatan sosial dan komuniti, pertanian dan pembangunan luar bandar serta perumahan (RM23.6

bilion), ia masih lagi kurang daripada separuh perbelanjaan untuk subsidi bahan api dan elektrik.

Sebenarnya rakyat akan mendapat lebih banyak manfaat jika subsidi bahan api dan elektrik dialihkan kepada perbelanjaan ekonomi dan sosial yang pual.

## 8 Tidakkah penghapusan subsidi petrol, diesel dan elektrik boleh menyebabkan inflasi dan kenaikan harga barangan lain?

Sebagai ahli ekonomi, saya tidak menafikan bahawa pembaharuan sistem subsidi akan mendorong inflasi.

Bagaimanapun, banyak cara untuk mengurangkan kesan inflasi akibat pembaharuan subsidi. Satu daripadanya seperti dinyatakan tadi ialah menggunakan mekanisme penetapan harga 'apungan terurus' (APM) untuk menyeragamkan harga bahan api.

Kedua, penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. Kerajaan telah pun menetapkan harga siling bagi barangan dan perkhidmatan penting tertentu seperti petrol, diesel, gas memasak dan elektrik kerana ia menyumbang lebih 90 peratus daripada perbelanjaan subsidi. Dalam kes bahan api, mungkin cara berkesan dalam menangani impak pembaharuan subsidi ialah dengan mengekalkan Mekanisme Harga Automatik (APM), yang diperkenalkan sejak 1983. APM membantu menetapkan harga siling di pam tanpa mengira lokasi, sama ada di Tanjung Malim atau di Bangsar.

Lebih penting lagi, seperti beberapa kali ditegaskan oleh Perdana Menteri, kita mesti mencari jalan untuk mengatasi sebarang kesan inflasi terutama kepada kumpulan berpendapatan rendah. Langkah ini selaras dengan kerangka Madani, terutama di bawah nilai teras Ihsan.

Justeru, satu mekanisme perlu diperkenalkan bagi membolehkan golongan masyarakat yang rentan seperti kanak-kanak dan warga emas, terus dibantu melalui skim bantuan sosial lebih baik, sama ada dalam bentuk pemberian tunai secara langsung atau subsidi bila menggunakan kemudahan disediakan kerajaan.

Matlamatnya mestilah untuk meringankan beban rakyat. Lebih penting lagi ialah membebaskan rakyat daripada belunggu kemiskinan dan pada masa sama menyediakan jaringan keselamatan sosial tanpa menjejaskan maruah mereka. Akhirnya, agenda lebih besar ialah membantu rakyat memperbaiki kehidupan melalui penyediaan pelbagai peluang bagi membolehkan mereka mengoptimumkan potensi masing-masing.

### Fakta Nombor

Perbelanjaan RM60.6 bilion subsidi bahan api dan elektrik pada tahun 2022 sama dengan kos membina

**RM 60.6 bilion**

**120 hospital**

**700 sekolah**

### Rajah 2: Harga petrol berbanding negara lain

RM/Liter (dikemas kini pada September 2023)

Brunei	1.84
Malaysia	2.05
Arab Saudi	2.91
Indonesia	4.51
Vietnam	4.91
Myanmar	5.54
Kemboja	5.97
Filipina	6.21
Thailand	6.25
Laos	6.28
Singapura	9.73

Sumber: www.globalpetrolprices.com